

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH**  
**FADZIR**  
**KAWASAN : KULIM BANDAR BAHARU**  
**TARIKH : 20 OKTOBER 2015**

**SOALAN:**

**YB. DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH FADZIR (KULIM BANDAR BAHARU)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah nasib pekerja-pekerja tol selepas pelaksanaan bayaran tol secara elektronik (ETC) dilaksanakan dan berapakah jumlah pekerja yang terlibat secara keseluruhannya.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa kini terdapat seramai 4,424 orang jurutol yang berkhidmat di 30 lebuhraya yang sedang beroperasi. Daripada jumlah tersebut seramai 3,063 orang jurutol atau 69% merupakan pekerja tetap, 1,197 orang (27%) ialah pekerja kontrak manakala 164 orang lagi (4%) ialah pekerja sambilan. Untuk jurutol yang berstatus tetap, mereka tidak akan diberhentikan kerja berikutan daripada pengenalan sistem kutipan tol secara elektronik (ETC), sebaliknya akan diserapkan di unit-unit operasi sokongan lain seperti ditempatkan di Pusat Khidmat Pelanggan dan unit cerapan data tol ETC. Manakala untuk pekerja tol yang berstatus kontrak dan bekerja sambilan pula, lantikan mereka adalah tertakluk kepada tawaran perjanjian antara pekerja-majikan mengikut Akta Pekerja 1955.

Sekian. Terima kasih.